

## **SIMBOLIK MOTIF-MOTIF TATU TRADISIONAL MASYARAKAT KAUM IBAN DI LUBOK ANTU, SRI AMAN, SARAWAK**

*Symbolic of the Traditional Tattoo Motifs of the Iban People in Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak*

**SYLVIA SAGING<sup>1</sup>**  
**ZAINUDDIN BACO<sup>2</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah*

*Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>*Sylviasagingjau@gmail.com*

<sup>2</sup>*Zainuddin@ums.edu.my*

*Dihantar: 18 Jun 2022 / Diterima: 20 Ogos 2022 / Terbit: 21 Disember 2022*

**DOI:** <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4137>

### **Abstrak**

Tatu tradisional Iban dianggap sebagai simbol suci yang dapat menghubungkan kaum Iban dengan *petara* (Tuhan) dan melindungi mereka daripada gangguan roh jahat. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban menerima tatu sebagai ganjaran dan ilustrasi perjalanan hidup mereka. Tatu sebenarnya merupakan sebahagian daripada ritual tradisional kaum Iban di Sarawak yang mempunyai hubungan kuat dengan adat dan kesenian. Tatu berada pada tubuh secara kekal sehingga menjadi penandaan yang tidak dapat dihilangkan sehingga kematian. Makalah ini memfokuskan tentang simbolik motif-motif tatu tradisional kaum Iban di Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif di mana tiga jenis kaedah pengumpulan maklumat yang digunakan menerusi temu bual, kaedah kepustakaan, dan melayari laman web. Hasil kajian ini mendapati bahawa kepelbagaian motif tatu tradisional Iban pada zaman dahulu bukan sahaja diukir sekadar hiasan semata-mata, namun setiap corak motif tersebut digunakan untuk tujuan tertentu dan mempunyai maksud yang tersendiri di mana setiap motif tersebut pada dasarnya mempunyai simbolik dan syarat-syarat khusus dari segi pemilikannya yang tidak boleh diukir secara sesuka hati. Walau bagaimanapun, peredaran zaman telah menyebabkan berlaku inovasi terhadap tatu tradisional di mana tatu Iban pada era moden ini tidak lagi diritualisasikan dan berhubung kait dengan unsur kepercayaan tradisi (animisme) seperti yang diamalkan pada zaman dahulu. Pada masa kini, kebanyakan masyarakat Iban terutamanya dalam kalangan generasi muda tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang sejarah tatu tradisional kaum mereka. Pengetahuan tentang dunia tatu kaum Iban pada masa kini menjadi penting kerana menjadi satu-satunya cara untuk memahami dan mendedahkan keindahan budaya kaum Iban, sama ada dari segi kepercayaan mahupun gaya hidup sebenar masyarakat Iban pada zaman dahulu.

**Kata kunci:** Tatu tradisional, motif, Iban, Lubok Antu, Sarawak.

## **Abstract**

*Traditional Iban tattoos are considered as sacred symbols that connect the Iban community to their gods (petara) and protect them from evil spirits. In ancient times, the Iban people received the tattoo as a reward and as an illustration of their life journey. Tattoos are actually part of the traditional ritual of the Ibans in Sarawak which have a strong relationship with customs and art where the tattoo is permanently attached to the body so that it becomes a marker that cannot be removed until death. This paper focuses on the symbolism of the traditional tattoo motifs of the Iban people in Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak. This research uses a qualitative method where the three types of information collection methods used are interview methods, library methods, and web browsing methods. Therefore, the findings have found that the variety of traditional Iban tattoo motifs in the ancient times are not only carved for decoration purposes, but each motif pattern is used for a specific purpose and has its own meaning where the tattoo motifs basically have certain symbols and conditions in terms of their ownership that cannot be carved at will. However, the passage of time has caused innovation in Iban traditional tattoo where the Iban tattoos in the modern era are no longer ritualized and linked to the elements of traditional beliefs (animisms) as practiced in the past. Nowadays, most of the Iban community, especially among the younger generations do not have deep knowledge about the history of traditional tattoos of their race. Knowledge of the world of Iban tattoos nowadays is important as it is the only way to understand and reveal the beauty of the Iban culture either in terms of beliefs and the true lifestyle of the Iban community in the old days.*

**Keywords:** *Traditional tattoos, motifs, Iban, Lubok Antu, Sarawak.*

## **Pengenalan**

Negeri Sarawak yang terkenal dengan gelaran Bumi Kenyalang (*Land of Hornbills*) merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian budaya yang unik, iaitu meliputi penduduk pribumi yang berbilang etnik dan pelbagai amalan tradisi. Kaum Iban merupakan kaum majoriti, iaitu dengan jumlah populasi sebanyak 30.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk yang terdapat di negeri Sarawak (Saripah & Rosline, 2021: 417). Kaum Iban pada dasarnya dikenali sebagai Orang Sungai atau *Sea Dayak* kerana majoriti masyarakat Iban pada zaman dahulu tinggal di kawasan pedalaman, iaitu mendirikan rumah panjang berhampiran dengan sungai dan laut. Kaum Iban sering digambarkan sebagai satu bangsa yang kejam dan agresif disebabkan oleh kisah pengamalan kegiatan memenggal kepala (*Ngayau*) yang sebenarnya telah disalahtafsirkan dan dieksploitasi oleh orang Barat yang menganggap bahawa Sarawak merupakan Bumi Pemetong Kepala (Murina Pawanteh *et al.*, 2021: 40). Namun begitu, dakwaan sedemikian sangat tidak tepat kerana kaum Iban adalah sama

sahaja seperti kaum-kaum lain iaitu mempunyai sifat lemah lembut, murah hati, dan penyayang. Berdasarkan tradisi lisan masyarakat Iban, gelombang pertama penghijrahan mereka adalah dari Kapuas Kalimantan Barat, Indonesia dan di Sarawak pula, petempatan awal orang Iban pula tertumpu di Batang Sungai Undop, Sri Aman. Gelombang penghijrahan kedua orang Iban tertumpu di bahagian Kapit dan Sibu (Ryoji Soda, 2008: 2). Dengan keluasan kira-kira 6184.1 kilometer persegi yang merangkumi kawasan tanah tinggi iaitu perbukitan dan tanah rata, Bahagian Sri Aman yang pada awalnya dikenali dengan nama Simanggang merupakan sebuah kawasan petempatan majoriti masyarakat kaum Iban di Sarawak. Bahagian Sri Aman secara umumnya terdiri daripada dua buah daerah utama iaitu Daerah Lubok Antu dan Daerah Sri Aman yang merangkumi keseluruhan lembah Sungai Batang Lupar yang memanjang dari kawasan Lingga ke Hulu Skrang (Benedict Sandin, 1994: 79). Daerah Lubok Antu merangkumi daerah kecil Engkelili hingga ke Ulu Batang Ai atau Jengin yang menjadi perbatasan atau sempadan antara Sarawak dan Kalimantan, Indonesia.


Kaum Iban di Lubok Antu telah mempraktikkan sebuah amalan tradisi yang unik iaitu mengukir tatu tradisional dengan menggunakan sumber semula jadi di mana tatu telah menjadi salah satu aktiviti sosial dan ritual tradisional dalam kehidupan mereka di rumah panjang. Amalan tradisi mengukir tatu tradisional sudah tidak asing lagi dalam masyarakat kaum Iban di daerah Lubok Antu di mana amalan ini merupakan salah satu amalan budaya yang diwarisi secara turun-temurun oleh generasi nenek moyang pada suatu ketika dahulu. Amalan tradisi ini merupakan sebahagian daripada cara hidup masyarakat Iban di Lubok Antu dan budaya bertatu memainkan peranan yang penting dalam aspek kehidupan komuniti kaum Iban di rumah panjang. Antara motif tatu tradisional yang lazim diukir dalam kalangan masyarakat Iban di Lubok Antu, Sri Aman termasuklah motif *Bungai Terung*, *Ukir Rekung*, *Tegulun* atau *Entegulun*, *Pala Tumpa'*, *Buah Andu*, *Buah Engkabang*, *Lengan Ketam*, *Kara Nyangkam*, *Kala*, *Nabau*, *Burung Enggang* (Burung Kenyalang), dan beberapa motif lain (Ali Osman, 2021: 2). Motif tatu tradisional Iban yang berasaskan unsur hidupan alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan sama ada haiwan liar, hidupan air, atau haiwan mitos telah menjadikan ukiran reka bentuk motif tatu tradisional Iban sangat unik dan dapat dibezakan dengan motif-motif tatu tradisional kaum asli yang lain.

### **Definisi Istilah Tatu**

Istilah tatu dikatakan berasal daripada kawasan Polinesia, iaitu dalam bahasa Tahiti yang disebut sebagai '*tatau*' yang bermaksud untuk menandakan sesuatu sama ada tentang kehidupan, atau sifat keperibadian seperti keberanian, kegagahan, kedewasaan seseorang individu, dan juga hal-hal yang berkait

rapat dengan keagamaan. Tatu secara umumnya diklasifikasikan sebagai satu kesenian atau amalan menghasilkan penandaan pada permukaan kulit manusia yang tidak dapat dihilangkan dengan mudah di mana penandaan tersebut dihasilkan melalui kaedah tusukan yang diselaputi dakwat atau pigmen tertentu ke dalam kulit sehingga kesan tersebut bertahan dalam jangka masa yang lama. Dalam istilah bahasa kaum Iban, tatu disebut sebagai '*pantang*', '*pantak*', atau '*Kelingai*'. Kesenian amalan tradisi mengukir tatu tradisional di Pulau Borneo dipercayai telah direkodkan seawal awal abad ke-19, terutamanya melibatkan kelompok etnik Iban yang mana tatu merupakan antara amalan ritualistik dengan kepentingan sosial yang kuat pada suatu ketika dahulu. Penyelidikan tentang amalan tradisi mengukir tatu dalam kalangan masyarakat Iban menjadi semakin penting menjelang abad ke-19 dan telah mula dilakukan oleh Nigel Heyward (1963) dalam bukunya yang berjudul *Sarawak, Brunei & North Borneo* (Heyward, 1963: 10). Pengetahuan tentang amalan mengukir tatu bagi kaum Iban pada masa kini menjadi penting kerana merupakan satu-satunya cara untuk memahami dan mendedahkan keindahan budaya kaum Iban sama ada dari segi kepercayaan ataupun gaya hidup sebenar masyarakat Iban terutama di daerah Lubok Antu, Sri Aman.

### Simbolik Motif-motif Tatu Tradisional Masyarakat Iban




**Foto 1** *Bungai Terung (Eggplant)*      **Foto 2** *Ukir Rekung /Ukir Degok*

*Bungai Terung* (Foto 1) merupakan salah satu motif popular dan dianggap sebagai bunga kebanggaan dalam kalangan kaum Iban (Sonny Jumbo & Mohammad Puad, 2021). Motif *Bungai Terung* lazimnya berdiameter 13 sentimeter dan diukir pada kedua-dua bahu kiri dan kanan golongan lelaki Iban (Krutak, 2007: 20). Motif tatu ini dipercayai dapat memberi kekuatan

pada kedua-dua belah bahu mereka kerana dipercayai bahawa segala aktiviti atau kerja yang berat akan dipikul pada bahu (Anna Durin, 2011: 32). Pemilik tatu *Bungai Terung* Iban menunjukkan kepada masyarakatnya bahawa mereka telah mencapai kematangan dari segi seksual dan mampu menjaga diri mereka dalam segala perkara yang akan dihadapi dalam kehidupan. Motif ini pada dasarnya adalah sebagai satu upacara bagi menyambut peralihan fasa seseorang kanak-kanak lelaki kepada lelaki dewasa dan bersedia untuk melakukan pengembaraan (*bejalai*).

Manakala motif tatu *Ukir Rekung* atau *Ukir Degok* (Foto 2) pula merupakan satu-satunya motif tatu tradisional Iban yang diukir pada bahagian kerongkong (Sandy Leo *et al.*, 2022: 428). *Ukir Rekung* adalah berbeza-beza mengikut tempat atau daerah, kedudukan dalam kelas sosial, dan pangkat seseorang individu dalam masyarakat. Ukiran motif tatu ini bertujuan untuk melambangkan peralihan atau perkembangan daripada status orang biasa kepada status tertinggi yang diberi kehormatan seperti ketua kampung (*Tuai Rumah*), Temenggung, panglima perang, pahlawan yang sudah lama terlibat dalam kegiatan perburuan, bomoh, atau golongan tua di rumah panjang kaum Iban pada zaman dahulu. Motif *Ukir Rekung* hanya layak diukir atau dimiliki oleh golongan lelaki dan tidak boleh dimiliki oleh golongan wanita.



**Foto 3** *Tegulun / Entegulun*



**Foto 4** *Pala Tumpa'*

*Tegulun* merupakan salah satu motif tatu (Foto 3) yang paling penting bagi masyarakat Iban. Tatu ini melambangkan bahawa seseorang lelaki Iban pernah terlibat atau menyertai kegiatan perburuan kepala musuh (*Ngayau*) yang disasarkan sepanjang perang suku. Hanya lelaki Iban yang berjaya memenggal kepala (*bedengah*) sahaja yang layak memiliki motif tatu *Tegulun*

dan tidak boleh dimiliki oleh orang biasa atau kaum-kaum lain kerana tatu *Tegulun* dianggap sebagai tanda penghargaan atau simbol kemenangan para pahlawan Iban (Gregory Kiyai, 2021: 125). Pemilik tatu ini akan menerima gelaran *Bujang Berani* dalam hierarki sosial masyarakat Iban, iaitu satu gelaran yang mengangkat martabat dan kedudukan sosial mereka sehingga disanjung tinggi dalam kalangan penduduk di rumah panjang.

Bagi golongan wanita Iban, hanya wanita yang berkemahiran dalam tarian ngajat dan pakar dalam aktiviti menenun Pua Kumbu sahaja yang layak memiliki motif tatu *Pala Tumpa'* (Krutak, 2012). Motif tatu (Foto 4) ini dikira berdasarkan keturunan, iaitu daripada nenek kepada ibu dan seterusnya kepada anak gadisnya dengan syarat aktiviti menenun juga harus diteruskan sehingga mereka mahir dan menjadi seorang penenun yang pakar. Seterusnya, seorang gadis Iban yang memiliki motif tatu *Pala Tumpa* juga mempunyai status sosial yang lebih tinggi berbanding wanita Iban biasa iaitu dikenali sebagai *Indu Takar* atau *Indu Gaar* (Fujika Anggo & Louis Laja, 2018: 640). Motif tatu yang diukir pada bahagian pergelangan tangan dan semua jari-jemari wanita Iban juga dipercayai merupakan salah satu kaedah yang dapat menyembuhkan seseorang daripada penyakit dan dianggap mendapat perlindungan daripada semangat atau roh dari tatu tersebut.



Foto 5 Buah Andu



Foto 6 Buah Engkabang /Tengkawang

Seterusnya, motif Buah Andu (Foto 5) pula merupakan motif tatu tradisional Iban yang diukir pada bahagian belakang paha atau betis di mana motif tatu ini dikatakan sebagai lambang sumber kehidupan orang Iban (Daniel Christian, 2017: 4). Motif tatu ini diukir pada bahagian betis kerana buah *andu* dipercayai berfungsi sebagai sumber makanan untuk meneruskan hidup apabila pemilik

tatu berjalan jauh ke sesuatu tempat, terutamanya sepanjang perantauan mereka. Dalam erti kata lain, motif tatu ini menjadi simbolik yang menandakan bahawa perjalanan hidup seseorang itu adalah jauh dan buah *andu* merupakan sumber makanan atau kekuatan untuk menjalani kehidupan. Tambahan pula, tatu ini hanya boleh diukir pada kaum lelaki Iban sahaja sebagai simbolik yang menandakan bahawa mereka pernah merantau atau berjalan jauh di dalam hutan. Begitu juga halnya dengan motif tatu buah *engkabang* atau buah *tengkawang* (Foto 6) yang tidak jauh berbeza dengan motif buah *andu*. Pohon *engkabang* merupakan sejenis pohon besar yang mana buahnya dipercayai dapat menjadi bahan kosmetik dan juga merupakan bahan baku dalam minyak goreng bagi masyarakat kaum Iban pada zaman dahulu. Hal ini menjadikan tumbuhan tersebut mempunyai nilai yang istimewa dalam kalangan kaum Iban sama ada di Kalimantan Barat dan juga kaum Iban di Sarawak. Oleh itu, buah *engkabang* atau *tengkawang* ini dijadikan sebagai model motif tatu tradisional Iban yang diukir pada bahagian perut, punggung tengah dan juga punggung atas. Begitu juga halnya dengan motif buah *andu* bahawa motif buah *engkabang* juga melambangkan sumber kehidupan bagi masyarakat Iban.



**Foto 7** Kara Nyangkam



**Foto 8** Lengan Ketam

Seterusnya, makna motif *Kara Nyangkam* (Foto 7) dikatakan lebih menyerupai sejenis pohon ara yang bergabung di antara satu sama lain. Motif tatu ini dipercayai berasal daripada dua perkataan iaitu *Kara* yang bermaksud pohon ara. Perkataan *nyangkam* atau *jangkam* pula membawa maksud memerah, meremas, atau mengapit (*squeeze*). Penempatan tatu ini bukan sahaja diukir pada bahagian kaki, namun juga biasanya diukir pada bahagian lengan tangan sebagai perhiasan yang memberi makna sebagai sumber kehidupan bagi pemiliknya. Namun, tidak banyak sumber khusus yang menjelaskan secara terperinci mengenai simbolik ataupun makna motif tatu ini.

Reka bentuk motif tatu *lengan ketam* (Foto 8), corak perut naga yang diukir adalah berbeza-beza bergantung kepada mimpi-mimpi yang dialami oleh individu yang ingin mengukir tatu tersebut. Motif tatu ini dikatakan membawa makna kekuatan, iaitu yang terdapat pada bahagian belakang ketam untuk memberi perlindungan kepada pemilik tatu daripada roh jahat, kekebalan daripada serangan senjata berbahaya atau objek tajam seperti pisau, parang, dan juga daripada serangan manusia (Daniel Christian, 2017: 5). Di samping itu, tatu ini juga dipercayai mampu menyelamatkan pemilik tatu apabila mereka lemas atau tersesat di dalam hutan kerana masyarakat kaum Iban pada zaman dahulu sangat percaya bahawa dewa-dewa laut seperti *bunsu udang*, *bunsu ikan*, *bunsu ketam*, dan lain-lain akan menghulurkan pertolongan dan memberi perlindungan apabila mengalami kesusahan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Iban pada zaman dahulu dipercayai telah meletakkan ilmu sihir ke dalam dakwat atau pigmen yang digunakan untuk mengukir tatu tersebut.



**Foto 9** *Kala* (Scorpion)



**Foto 10** *Nabau* (Dragon)

Motif *kala* (Foto 9) merupakan salah satu motif tatu tradisional Iban yang menggambarkan seekor haiwan berbisa yang digeruni oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu. Tambahan pula, *kala* jengking juga merupakan haiwan yang bukan sahaja digeruni namun juga perlu dihormati oleh manusia. Motif tatu *kala* kaum Iban merupakan versi kepada motif *Aso'* (motif tatu kaum Kayan), iaitu ukiran yang menggambarkan naga anjing mitos di Pulau Borneo yang dipercayai mampu menawarkan perlindungan atau azimat kepada pemilik tatu. Menurut orang Iban, motif tatu *kala* mempunyai kepentingan yang agak besar dalam budaya yang berbeza dan merupakan salah satu daripada reka bentuk yang menjadi lambang masyarakat Iban. Menurut kepercayaan kaum Iban pada zaman dahulu, simbolik di sebalik motif tatu *kala* ini adalah ia dipercayai



sebagai satu bentuk perlindungan keselamatan kepada para pahlawan kaum Iban yang memilikinya.

Demikian juga dengan motif nabau dianggap sebagai makhluk yang suci bagi masyarakat Iban zaman dahulu. Menurut legenda kaum Iban, naga merupakan seekor ular besar yang mempunyai tanduk di atas dahinya. Naga kaum Iban mempunyai seketul batu bezoar atau disebut sebagai '*gombala*' di bahagian tengah keeningnya di mana batu tersebut berfungsi sebagai cahaya yang menerangi laluan naga tersebut pada waktu malam. Naga Iban juga dikatakan mempunyai sepasang sayap, kaki, lengan, mata, dan kuku serta gigi yang tajam (Sellato, 1989: 33). Kisah pertolongan Naga Iban menentang pemberontak semasa ekspedisi taun telah ditulis oleh Benedict Sandin iaitu ahli etimologi kaum Iban dalam *The Sarawak Gazette* pada 30 November 1964 (*Sarawak Gazette*, 30 November 1964: 287). Menurut beliau, terdapat dua spesies naga dalam cerita rakyat kaum Iban. Salah seekor naga dikatakan tinggal di laut, sungai atau kolam, manakala seekor naga lagi tinggal di puncak gunung. Naga yang terdapat di pergunungan dipercayai dapat membunuh dengan menggunakan ekornya dan juga boleh meludahkan racun serta menghembuskan api. Di samping kisah ekspedisi taun, masyarakat Iban juga percaya bahawa naga juga membantu mereka melawan pihak Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Kisah bermula apabila mendiang Temenggung Koh iaitu seorang ketua suku kaum Iban berperang melawan pihak Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Motif terakhir adalah motif Burung Enggang (Foto 11). Menurut masyarakat Iban, motif ini biasanya bertautan dengan kompilasi motif naga kerana burung Enggang dan Naga merupakan simbol penguasa ala (Davenport, 2000: 127). Menurut kepercayaan masyarakat kaum Iban pada zaman dahulu, *Mahatala* atau *Pohotara* merupakan penguasa alam atas yang dilambangkan sebagai '*Enggang Gading*' dan dipercayai sebagai jelmaan daripada Panglima Burung yang hanya datang apabila berlaku keadaan penting sahaja misalnya seperti perang suku (Sellato, 1992: 4). Sebenarnya, terdapat perbezaan motif tatu dalam kalangan rakyat biasa dan golongan bangsawan dalam masyarakat kaum Iban. Misalnya, pada zaman dahulu, hanya perempuan berketurunan bangsawan yang boleh memiliki motif burung enggang kerana masyarakat Iban percaya bahawa mereka yang melanggar syarat tersebut akan menghidap penyakit dan menderita seumur hidup (Tillotson, 1994: 53). Oleh itu, simbol tatu ini merupakan antara simbol yang paling dominan dalam ukiran motif suku Dayak pada amnya.




Foto 11 Burung Enggang (Hornbill)

### Proses dan Material Mengukir Tatu Tradisional

Masyarakat Iban pada zaman dahulu menggunakan teknik manual dalam aktiviti pengukiran tatu tradisional. Sebelum mula mengukir, pengukir akan mengorbankan seekor ayam jantan yang telah dipilih sebagai korban hidup (*piring*), iaitu merupakan satu upacara ritual yang diadakan ke atas semangat atau roh nenek moyang mereka. Darah haiwan korban tersebut kemudiannya ditumpahkan ke peralatan mengukir tatu yang akan digunakan dan seterusnya memulakan upacara ritual *bebiau* (nyanyian atau berzikir) (Komunikasi peribadi, Philip Anak Entinggi, 20 September 2021). Ritual *bebiau* merupakan doa lisan yang ditujukan kepada roh nenek moyang dewa mereka. Dalam proses seterusnya, tatu terlebih dahulu ditentukan oleh pengukir tatu melalui rundingan dengan pemandu roh atau semangat untuk mendedahkan reka bentuk tatu yang akan diukir. Setelah reka bentuk tatu ditentukan dan upacara telah selesai, maka sesi mengukir tatu dimulakan dengan penuh berhati-hati bagi mengelakkan gangguan daripada pelbagai petanda buruk atau roh-roh jahat. Dalam proses mengukir, pengukir tatu terlebih dahulu mencelupkan jarum ke dalam bekas dakwat sebelum diketuk ke dalam kulit dan ketukan tersebut dilakukan secara berulang kali supaya dakwat tidak dapat dihilangkan. Jarum-jarum yang digunakan tersebut terlebih dahulu menghasilkan rintisan motif yang akan diukir. Setelah proses rintisan selesai, proses seterusnya adalah memasukkan dakwat atau pigmen pada rintisan motif yang telah dihasilkan sebelumnya, iaitu proses ini dikenali sebagai *nukah* dalam istilah bahasa Iban. Sesi mengukir tatu dimulakan dengan mengetukkan *Kayok Tatok* yang diselaputi dakwat ke bahagian kulit yang ingin ditatu menggunakan *pemalu* (pengetuk) secara berulang kali sehingga dakwat pada kulit tidak dapat dihilangkan.

Dari segi peralatan mengukir, dakwat tatu biasanya diperbuat daripada bahan alam semula jadi seperti jelaga yang dicampur dengan madu lebah liar atau direbus terlebih dahulu dengan air tebu selama beberapa jam. Kemudian, jelaga tersebut akan dibiarkan selama beberapa hari untuk proses penapaian. Proses ini dilakukan bagi memelihara ketahanan dakwat yang dihasilkan untuk mengukir tatu. Masyarakat Iban menamakan dakwat ini sebagai *alung* (Ali Osman, 2021: 1-15). Hal ini kerana jelaga dianggap mampu menghapuskan roh-roh jahat daripada mengganggu kehidupan harian mereka. Terdapat juga orang Iban yang menggunakan serbuk arang yang berwarna hitam kebiru-biruan untuk dijadikan sebagai dakwat bagi menggantikan jelaga. Selain itu, terdapat dua batang kayu yang digunakan di mana sebatang kayu dijadikan sebagai *pemalu* (pengetuk), manakala sebatang lagi disebut sebagai *Kayok Tatok*<sup>1</sup>, iaitu dilekatkan dengan serpihan buluh atau tulang haiwan yang dikisar tajam pada bahagian hujungnya yang berfungsi sebagai jarum dan saiznya adalah berbeza mengikut motif tatu. Alat yang terakhir ialah papan ukir yang juga diperbuat daripada kayu untuk memudahkan pengukir menandai tatu pada kulit.

## Perbincangan

Tatu tradisional yang telah diwarisi secara turun-temurun sejak zaman dahulu telah menjadi sebahagian daripada identiti budaya masyarakat kaum Iban di Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak dan masih bertahan sehingga kini. Bagi masyarakat Iban di Lubok Antu, tatu tradisional sangat dihormati dan dijunjung tinggi pada zaman dahulu kerana masyarakat kaum Iban pada ketika itu sangat berpegang kuat kepada kepercayaan animisme dalam setiap aspek kehidupan mereka di rumah panjang yang sudah tentunya berbeza dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang yang majoritinya telah mempunyai pegangan agama iaitu Kristian. Tatu tradisional lazimnya diukir berdasarkan tujuan-tujuan tertentu yang hanya boleh dimiliki oleh individu yang layak sahaja. Misalnya, antara tujuan tatu tradisional diukir adalah untuk menunjukkan identiti dan pantang larang kaum Iban, membezakan status sosial dalam masyarakat Iban, melindungi diri daripada roh jahat, sebagai pelindung roh selepas kematian, simbol ketertarikan diri, prestasi dalam kegiatan perburuan, dan peralihan usia dalam fasa kehidupan. Setiap reka bentuk, strok, dan garisan motif tatu tradisional menyampaikan makna yang penting bagi masyarakat Iban, iaitu mempunyai perkaitan dengan kuasa ghaib dan mistik untuk memberi perlindungan kepada mereka daripada segala bahaya. Hal ini membuktikan bahawa tatu tradisional sangat mempengaruhi hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat kaum Iban di Lubok Antu pada suatu ketika dahulu.

Selain itu, kepelbagaian corak motif tatu tradisional juga merupakan apresiasi mereka terhadap alam sekitar sebagai cara mereka untuk memelihara dan menghargai khazanah mereka sehinggalah generasi-generasi seterusnya. Menurut masyarakat Iban pada zaman dahulu, mereka akan mudah mengenal pasti asal usul tempat tinggal orang yang datang melawat ke rumah mereka, iaitu hanya dengan memerhatikan perbezaan gaya tatu yang dimiliki oleh seseorang individu tersebut. Bahkan, setiap pengukir tatu juga mempunyai kepakaran yang berbeza dalam menghasilkan tatu terutamanya dari segi kelancaran dan kekemasan tatu yang dihasilkan. Kebanyakan pemilik tatu tradisional dalam kalangan masyarakat kaum Iban di Lubok Antu adalah golongan lelaki, iaitu bertujuan sebagai lambang kepahlawanan mereka iaitu berbakti kepada kaum Iban dalam perang suku atau bukti yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai kepakaran dalam ilmu pengukiran. Walaupun proses mengukir tatu pada kulit adalah satu proses yang menyakitkan, tetapi tatu membawa makna yang tersendiri bagi melambangkan perwatakan tentang perkara yang telah dilalui oleh seseorang individu di sepanjang kehidupannya. Sekiranya individu yang diukir tidak dapat menahan kesakitan yang dialami semasa mengukir tatu, mereka dianggap masih belum bersedia untuk menyertai aktiviti yang lasak atau belum menunjukkan kejantanan mereka.

Perkara yang sangat signifikan dan harus diketahui mengenai tatu tradisional Iban adalah setiap motif tatu Iban pada zaman dahulu mempunyai simbolik khas atau makna-makna tertentu yang sangat diberi penekanan oleh generasi moyang Iban pada zaman dahulu. Motif-motif tatu tersebut tidak boleh diukir dengan sewenang-wenangnya kerana perlu melalui proses ritual dan harus berdasarkan syarat tertentu yang melayakkan individu tersebut untuk memiliki tatu pada tubuh. Hal ini demikian kerana orang Iban pada zaman dahulu sangat mementingkan nilai semiotik setiap motif tatu tradisional dan percaya bahawa setiap ukiran motif tatu tersebut mengandungi kekuatan spiritual yang berfungsi untuk memberi kekuatan fizikal dan perlindungan keselamatan kepada pemilik tatu daripada sebarang gangguan roh jahat dan musibah dalam kehidupan mereka. Sekiranya tatu tradisional diukir secara sesuka hati pada individu yang tidak layak, maka mereka akan menghadapi bencana atau musibah yang akan memudaratkan diri seperti mendapat penyakit yang boleh membawa kematian. Oleh hal yang demikian, setiap motif tatu tradisional Iban di seluruh Pulau Borneo pada amnya mempunyai simbolik tersendiri dan mempunyai syarat tertentu yang tidak boleh dilanggar oleh masyarakat Iban. Hakikatnya, amalan tradisi mengukir tatu tradisional kaum Iban di Lubok Antu sebenarnya tidak jauh berbeza dengan amalan mengukir tatu tradisional kelompok kaum asli yang lain terutamanya Kayan dan Kenyah yang juga turut mempraktikkan aktiviti mengukir tatu pada zaman dahulu. Misalnya, reka bentuk motif tatu berunsurkan hidupan flora dan fauna serta material tradisional mengukir tatu yang diperbuat daripada sumber semula jadi.

Keluasan teknologi moden menjelang abad ke-21 menyebabkan tatu tradisional Iban kini telah menjadi seni moden yang diukir pada kulit tanpa makna dan sejarah kepada motif-motif tatu tersebut. Hakikatnya, walaupun amalan bertatu merupakan salah satu amalan tradisi kaum Iban pada zaman dahulu, masih terdapat sebilangan besar masyarakat Iban yang mempunyai ukiran tatu tradisional. Walaupun demikian, tatu tradisional Iban pada masa kini tidak lagi diritualkan dan dikaitkan dengan sebarang unsur kepercayaan tradisi seperti mana yang diamalkan pada masa lampau. Masyarakat Iban kini mengukir tatu mengikut keinginan mereka sendiri yang bercorakkan kehidupan duniawi. Pada zaman yang serba moden ini, bukan sahaja dalam lingkungan masyarakat kaum Iban, malah juga masyarakat kaum lain lebih cenderung mengukir tatu tradisional sebagai satu kesenian dengan tujuan sebagai perhiasan tubuh untuk menjadikan gaya penampilan mereka kelihatan lebih menarik. Generasi Iban pada masa kini juga lebih cenderung mengukir motif tatu tradisional yang dikombinasikan dengan corak moden. Tambahan pula, tidak semua masyarakat Iban pada hari ini berminat untuk memiliki motif tatu tradisional dan lebih gemar mengukir tatu moden yang bersifat kontemporari. Bahkan, terdapat juga sesetengah masyarakat Iban yang memilih untuk tidak mempunyai tatu atas faktor tertentu seperti larangan dalam sektor pekerjaan, larangan agama, menganggap tatu tradisional sebagai tabu, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, keaslian tatu tradisional dalam kalangan kaum Iban pada masa kini, iaitu sama ada dari segi reka bentuk motif ataupun penggunaan peralatan tradisional semakin menghilang dan tenggelam ditelan arus zaman. Kesenian tradisi amalan mengukir tatu tradisional dalam kalangan kaum Iban semakin kurang mendapat perhatian khususnya dalam kalangan generasi muda pada zaman sekarang di mana wujud generasi Iban yang tidak mengetahui tentang sejarah amalan tradisi mengukir tatu tradisional lebih-lebih lagi mengenai simbolik-simbolik tertentu pada setiap motif tatu tradisional. Menjelang tahun 1960-an, penyelidik terus menyatakan kebimbangan mereka mengenai pemeliharaan motif-motif tatu tradisional yang semakin diendahkan walaupun berasa ragu terhadap keaslian tatu masyarakat kaum Iban.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, amalan tradisi mengukir tatu tradisional merupakan salah satu aktiviti sosial yang sangat sinonim dengan kaum Iban di Lubok Antu pada suatu ketika dahulu kerana aktiviti mengukir tatu merupakan antara amalan ritualistik dengan kepentingan sosial yang kuat bagi masyarakat Iban pada zaman dahulu. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa setiap ukiran motif tatu tradisional Iban di Lubok Antu mempunyai simbolik yang tersendiri dan syarat-syarat tertentu yang sangat ditekankan oleh generasi Iban pada suatu ketika dahulu. Hal ini turut membuktikan bahawa tatu tradisional Iban

pada awalnya telah melalui proses ritual dan mengandungi kekuatan spiritual kerana orang Iban pada zaman dahulu masih belum mempunyai agama namun pada masa kini tatu tidak lagi diritualisasikan dan mengandungi sebarang unsur spiritual yang berhubung kait dengan amalan kepercayaan animisme.

Seiring dengan perkembangan zaman iaitu arus globalisasi mula masuk ke dalam kehidupan masyarakat kaum Iban, keaslian motif tatu tradisional kaum Iban semakin terhakis dan diendahkan terutamanya dalam kalangan generasi baharu pada masa kini. Identiti motif-motif tatu tradisional dalam budaya kaum Iban menghadapi cabaran yang besar disebabkan oleh pengaruh ukiran motif-motif tatu kontemporari yang telah mendominasi keaslian motif-motif tatu tradisional menjelang abad ke-21 dalam ukiran tatu. Tambahan pula, ukiran tatu masyarakat Iban pada zaman sekarang kebanyakannya diaplikasikan dalam pengkayaan seni konvensional misalnya seperti arca, catan, dan cetakan yang melibatkan simbolik, elemen ukiran, dan naratif tatu. Walau bagaimanapun, sebilangan besar masyarakat Iban di seluruh Sarawak pada masa kini masih berusaha menyuburkan dan memelihara budaya tradisi bertatu dalam kalangan mereka, iaitu dengan memiliki ukiran motif tatu tradisional pada tubuh sebagai simbol yang menunjukkan perasaan bangga sebagai anak jati kaum Iban.

## Senarai Rujukan

### Dokumen Arkib

*Sarawak Gazette*. 30 November 1964. No. 1281.

### Buku dan Jurnal

- Ali Osman, Adilawati Asri & Shaikh Azahar. (2021). Falsafah Alam Takambang Jadi Guru dalam kearifan tradisi masyarakat Iban: Seni Tatu. *Asian People Journal*, 4(2), 1-15.
- Anna Durin. (2011). Motif-motif tradisi dalam budaya Iban Saribas. Tesis Ijazah Kedoktoran (Tidak diterbitkan). Jabatan Sosio-Budaya Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Benedict Sandin. (1994). Early migrations and the origins of Iban culture. *Sarawak Museum Journal*, 46, 79-85.
- Daniel, C. H. (2017). *Perancangan Buku Pedoman yang Artistik dan Higenis*. Fakultas Seni dan Desain, Universitas Kristen Petra: Surabaya.
- Davenport, W. H. (2000). Hornbill carvings of the Iban of Sarawak Malaysia. *RES: Anthropology and Aesthetics*, 37, 127-137.
- Dianne Margaret Tillotson. (1994). Who Invented the Dayaks? historical case studies in art, material culture and ethnic identity from Borneo. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan). The Australian Library, 2(3), 1-320.
- Fujika Anak Anggo & Louis Laja. (2018). The function and role in the Iban social rank in their communities. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(2), 639-641.
- Gregory Kiyai. (2021). Sejarah budaya Ngayau dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 6, 121-137.

- Heyward, N. (1963). *Sarawak, Brunei, & North Borneo*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Krutak, L. (2007). *The tattooing arts of tribal women*. London, UK: Bennett & Bloom: Deserts Hearts.
- Murina Pawanteh, Roselina Johari & Loo Chong Hang. (2021). Survival on the skin: Communication, continuity, and preservation of the Iban tattoo, *Jurai Sembah*, 2, 40-45.
- Ryoji Soda. (2008). Approaches to rethinking rural-urban migration in Southeast Asia: A case study of the Iban in Sarawak, Malaysia. *E-Journal GEO*, 3, 1-17.
- Sandy Leo, Jatna Supriatna & Kosuke Mizuno. (2022). Indigenous Dayak Iban customary perspective on sustainable forest management West Kalimantan, Indonesia. *Biodiversitas*, 23, 424-435.
- Saripah Banseng & Rosline Sandai. (2021). Language of strata and expression in construction of Sampi amongst Iban community in Malaysia. *International Journal of Education, Information Technology and Others (IJEIT)*, 4(3), 417-427.
- Sellato, B. (1989). *Naga dan Burung Enggang: Hornbill and dragon*. Jakarta and Kuala Lumpur: Elf Aquitane.
- Sellato, B. (1992). *Hornbill and dragon: Art and culture of Borneo*. Singapore: Sun Tree Pub.
- Sonny Anak Jumbo & Mohammad Puad bin Bebit. (2021). A science of signs study on the Iban Bungai Terung as: A cultural identity. *International Journal of Current Research*, 13(11), 19526-19530.

### **Laman Web**

- Krutak, L. (2012). In the realm of spirits: Traditional Dayak Tattoo in Borneo. Lars Krutak, Dipetik dari <https://www.larskrutak.com/in-the-realm-of-spirits-traditional-dayak-tattoo-in-borneo/> pada 3 Mac 2021.

### **Temu Bual**

- Philip Anak Entinggi. (2021). 77 Tahun. Penduduk Asal Kampung Skarok, Lubuk Antu. Berbangsa Iban-Bidayuh. 20 September 2021.